

**SEKUMPULAN** tenaga pengajar bersama pelakon dan krew teater menjayakan teater *Merah Bumi Gaza* di Dewan Tunku Mahkota Ismail, UTHM, Batu Pahat, Johor, baru-baru ini. - IHSAN UTHM



## Teater UTHM papar perjuangan rakyat Palestin

**BATU PAHAT** 1 Jan. - Seramai 30 pelajar bidang kejuruteraan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini memperkenalkan bakat mereka dalam bidang pementasan apabila menjayakan teater bertajuk *Merah Bumi Gaza* sebagai solidariti kepada rakyat Palestin yang ditindas.

UTHM dalam satu kenyataan akhbar memberitahu, pementasan yang mengambil masa selama dua jam 30 minit itu dilangsungkan awal bulan lalu di hadapan kira-kira 600 penonton terdiri daripada warga universiti

berkenaan serta orang ramai.

Menurutnya, teater yang dijayakan penuntut Kelas Teater Kokurikulum, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) di Dewan Tunku Mahkota Ismail itu mengambil masa empat bulan untuk melatih pelakon dan krew yang kesemuanya merupakan pelajar kejuruteraan.

"Bukan sahaja mereka menghayati kesedaran tentang kesengsaraan rakyat Palestin yang berhadapan peperangan dan kezaliman tentera Israel, pelajar juga mempelajari kemahiran insaniah dan *soft skill* yang tidak terdapat di dalam kelas.

"Pementasan ini berupaya melahirkan modal insan berkualiti dan berbudaya bagi memperkasa kemajuan jati diri penuntut dan universiti secara lestari sekali gus memacu pembangunan untuk kesejahteraan kita dan generasi akan datang," kata kenyataan itu di sini hari ini.

*Merah Bumi Gaza* menceritakan kesengsaraan rakyat Palestin yang berhadapan peperangan dan kezaliman tentera Israel, cerita itu membawa penonton melihat kehidupan kecil sebuah keluarga bahagia yang musnah

kerana peperangan, anak-anak kecil kehilangan ibu bapa danisteri kehilangan suami.

Kematian dan kehilangan menguji kesabaran dan membuatkan mereka bangkit memperjuangkan tanah air, walau pun masih belum merdeka sepenuhnya rakyat Palestin berjaya menumpaskan sebahagian daripada tentera Zionis itu.

Sempena pementasan itu juga, Tabung Aman Palestin dan Tabung Bantuan Palestin dilancarkan bagi mengutip dana untuk disalurkan kepada rakyat di negara terbabit.



Pementasan ini berupaya melahirkan modal insan berkualiti dan berbudaya bagi memperkasa kemajuan jati diri penuntut dan universiti secara lestari sekali gus memacu pembangunan untuk kesejahteraan kita dan generasi akan datang"

UTHM